



7 – 8 Ogos 2010: Majlis Konvokesyen Ke-6 UTeM telah berlangsung dalam suasana penuh gilang gemilang yang menyaksikan 1,408 graduan menerima diploma dan ijazah mengikut peringkat dan bidang pengajian masing-masing. Daripada jumlah tersebut, tiga calon adalah penerima ijazah doktor falsafah, 51 ijazah sarjana, 1,083 ijazah sarjana muda dan 271 diploma. Turut menerima ijazah pada kali ini ialah empat graduan yang merupakan kumpulan pertama pelajar antarabangsa UTeM.

Majlis yang berlangsung di Dewan Besar Kampus Induk turut menyaksikan detik-detik bersejarah apabila mantan Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad dan bekas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTeM Tan Sri Dato' Seri Mohd Salleh bin Sulong dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor UTeM.

Pada Majlis Konvokesyen kali ini, Tan Sri Musa yang pernah memegang jawatan Menteri Pendidikan pada tahun 1999 dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Sains. Manakala Tan Sri Mohd Salleh yang pernah menerajui konglomerat automotif negara menerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Teknologi. Penganugerahan kepada kedua-dua tokoh tersebut adalah sebagai mengenang jasa bakti yang dicurahkan kepada pembangunan negara dan universiti ini.

Sementara itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Mohd Nor Irman bin Sulaiman dan Kwan Wai Loon pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan telah dipilih sebagai Penerima Anugerah Pelajaran Diraja. Mohd Nor Irman yang berasal dari Kuantan Pahang dan Kwan Wai Loon dari Selangor masing-masing aktif dalam bidang sukan dan persatuan selain menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik. Mohd Nor Irman dan Wai Loon yang aktif dalam sukan kayak dan taekwondo berkata, penglibatan dalam bidang sukan dan persatuan sememangnya memberikan kepuasan dan pengalaman yang lebih luas kepada mereka. Ditambah dengan corak pembelajaran berteraskan teknikal, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti berfaedah di luar waktu kuliah nyata membentuk keperibadian diri kedua-dua graduan tersebut.

Majlis Konvokesyen ke-6 turut mendapat perhatian universiti-universiti antarabangsa dan kedutaan asing. Antara yang hadir pada majlis ini ialah Dr. Ir. Edi Noersasongko dan Ibu Tri Rustanti dari Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) Semarang Indonesia, Dr. Ety Bazergan dari Universitas Hasanudin (UNHAS) Makasar Indonesia, Prof. Dr. Saad Talib Hassan dari University of Babylon Iraq serta Duta dari Nigeria.

Majlis Konvokesyen Ke-6 UTeM telah berlangsung dalam tiga sesi yang menyaksikan ribuan tetamu yang terdiri daripada ibu bapa dan ahli keluarga graduan berkunjung ke Kampus Induk untuk meraikan kejayaan tersebut. Editorial Berita@UTeM mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan yang telah bergaduat pada tahun ini.

Majlis KONVOKESYEN KE-6

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Dewan Besar UTeM
7-8 Ogos 2010

BERITA
 MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

LG
173
.M44
.B47
2010
a
Aug



KANDUNGAN

- Majlis Konvokesyen Ke-6 UTeM Rai 1,408 Graduan | Majlis Makan Malam Konvokesyen Ke-6 UTeM | Pesta Konvokesyen Ke-6 Berlangsung Meriah | Naib Canselor Tetamu Khas Majlis Makan Malam Persatuan Alumni University Of Liverpool | Sesi Dialog Pengerusi Lpu Bersama Ahli Senat | Lawatan Timbalan Naib Canselor USM Eratkan Hubungan | UTeM Semarakkan Bulan Kemerdekaan Dengan Kempen Kibar Jalur Gemilang | Klik-klik Konvokesyen | UTeM Anjur Suara Siswa Bersama RTM | Majlis Anugerah Sijil Kejujuran Dekan FPTT | UTeM Juara Liga Bola Sepak IPT Melaka | UTeM Jayakan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-53 | Lawatan UNIMAP Ke UTeM - Eratkan Kerjasama Pengurusan Kualiti | UTeM Dikunjungi Tetamu Dari Indonesia | Perbincangan Program Artikulasi JMTI Ke UTeM | Berita Kelahiran | Majlis Iftar Bersama Tun Canselor 1431H | Sri Kesidang Raikan Anak-Anak Yatim | Personaliti Pilihan





Majlis MAKAN MALAM KONVOKESYEN KE-6 UTeM



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusof

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Bob Faizeli Bin Mohamed Din
Al Rohaiya Binti Adanan
Rabeatul Adawiyah Binti Zakariah

URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis
Nor'Emyilia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my



6 Ogos 2010: Bagi memperingati lagi Majlis Konvokesyen Ke-6, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), satu Majlis Makan Malam telah berlangsung dalam suasana penuh kemeriahan menjelang hari pertama konvokesyen. Majlis Makan Malam tersebut telah dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob. Ketibaan Tun Canselor telah disambut oleh Pro Canselor UTeM, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee bin Laidin, Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Ketika menyampaikan ucapan, Pengerusi LPU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dua tokoh yang telah mencurahkan jasa bakti terhadap pembangunan universiti dan negara. Tokoh yang dimaksudkan ialah Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad dan Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh bin Sulong yang merupakan penerima Ijazah Doktor Kehormat pada Majlis Konvokesyen kali ini. Menurut Ahmad Zaidee, sumbangan besar yang telah diberikan oleh kedua-dua tokoh tersebut amat bermakna kepada kejayaan yang dinikmati sekarang.

Dalam majlis yang sama, buku Jejak Gemilang 2010 telah dilancarkan oleh Tun Canselor dengan disaksikan oleh tetamu kehormat pada malam itu. Buku Jejak Gemilang 2010 yang dihasilkan oleh Penerbit Universiti merupakan kompilasi gambar-gambar peristiwa sepanjang sedekad penubuhan UTeM. Buku Jejak Gemilang 2010 juga telah menyemarakkan lagi sambutan 10 tahun penubuhan UTeM yang bertepatan 'Sedekad Kegemilangan'.

PESTA KONVO ke 6

6 Ogos 2010: Pesta Konvokesyen ke-6 yang berlangsung di Kampus Induk baru-baru ini telah mencatatkan sejarah tersendiri. Buat pertama kalinya, ruang udara UTeM telah 'ditawan' oleh pasukan elit Polis Diraja Malaysia VAT 69 yang melakukan aksi terjun payung dengan menjadikan tapak pesta sebagai Landing Zone. Bom asap yang dilemparkan di tapak pesta menjadi penanda kepada anggota VAT 69 yang digugurkan daripada pesawat khas pada ketinggian 4 ribu kaki. Berhadapan dengan keadaan angin yang agak kencang dan dengan mengibarkan bendera-bendera rasmi, pasukan elit tersebut selamat mendarat di tapak pesta. Demikian antara acara menarik yang telah memukau ribuan hadirin yang menyaksikan Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen ke-6.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pro Canselor Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat dengan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Universiti Datuk Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee bin Laidin, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan serta pegawai-pegawai kanan universiti. Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Polis Melaka SAC 1 Datuk Mohd Rodwan bin Mohd Yusof bersama pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka.

Selain acara pertunjukan terjun payung oleh VAT 69, PDRM turut mempersembahkan beberapa demonstrasi yang mendebarkan. Pada hari kedua pesta, demonstrasi cegah jenayah ragut, anjing pengesan dan T-Baton telah dipersembahkan. Bagi demonstrasi jenayah ragut, kejar-mengejar antara pihak polis dan peragut telah berlaku di tapak pesta. Malah anggota polis yang terlibat telah menunjukkan kemahiran mempertahankan diri dengan menumpaskan peragut meskipun diancam dengan senjata berbahaya.

Sepanjang dua hari pesta berlangsung, pelbagai acara menarik telah dijalankan antaranya pertandingan paintball, Battle of the Band, Konsert Amal Gema Suara, sukan air dan banyak lagi. Tidak ketinggalan pameran aset dan peralatan PDRM, gerai-gerai makanan serta cenderamata yang telah memperingati lagi Pesta Konvokesyen kali ini.



Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan (MKCH)	Nb. Panggilan
38312	173
Tarikh	M44
16 DEC 2010	047

Hak Cipta Terpelihara Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal, Melaka Tel : +606 331 6248 / 6249 Faks : +606 331 6247

Lawatan

TIMBALAN NAIB CANCELOR USM eratkan hubungan

23 Ogos 2010: Hubungan erat di antara UTeM dan Universiti Sains Malaysia (USM) semakin akrab melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Terbaru, Timbalan Naib Canselor (Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat) USM Prof. Lim Koon Ong telah mengadakan lawatan ke UTeM. Ketibaan beliau telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi bersama pegawai-pegawai daripada Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet).

Antara objektif lawatan ini adalah untuk berkongsi pendekatan terhadap hubungan industri dan masyarakat yang diamalkan di USM. Perkongsian pengalaman dan pertukaran idea tersebut bakal dijadikan garis panduan oleh ICNet dalam merangka strategi hubungan industri dan masyarakat kelak. Di akhir lawatan, Prof. Lim dibawa melawat ke beberapa fakulti di Kampus Induk UTeM.



NAIB CANCELOR TETAMU KHAS Majlis Makan Malam Persatuan Alumni University Of Liverpool

31 Julai 2010: Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah diundang khas pada satu majlis makan malam yang dianjurkan sempena Majlis Pelancaran Persatuan Alumni University of Liverpool Malaysia (ULMAA). Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff yang juga salah seorang alumni universiti tersebut telah diberikan penghormatan menyampaikan ucapan pada majlis yang turut dihadiri tetamu kenamaan dari dalam dan luar negara. Naib Canselor University of Liverpool, Prof. Sir Howard Newby juga turut hadir bagi meraikan penubuhan persatuan alumni universiti itu yang dilihat sebagai duta kepada universiti yang terletak di United Kingdom itu.

19 Ogos 2010: Satu sesi dialog telah diadakan di antara Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UTeM, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee bin Laidin dan ahli-ahli Senat bertempat di Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Canselori. Sesi dialog tersebut bertujuan untuk berkongsi idea dan bertukar-tukar pandangan terhadap hala tuju UTeM ke arah merealisasikan visi dan misinya.

Melalui sesi tersebut, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee berharap agar universiti-universiti ternama bertaraf dunia dijadikan sebagai rujukan dan penanda aras terhadap perancangan masa depan UTeM. Di samping itu, penggunaan Bahasa Inggeris yang menyeluruh di dalam pengajaran dan pembelajaran amat dititikberatkan selaras dengan pertambahan pesat pelajar antarabangsa di universiti ini.

SESI DIALOG Pengerusi LPU bersama AHLI SENAT



UTeM semarakkan BULAN KEMERDEKAAN dengan KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

18 Ogos 2010 - UTeM menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menggalakkan semua agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan supaya mengibarkan Jalur Gemilang ketika merasmikan kempen tersebut awal bulan Ogos lalu. Lantaran itu, bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-53, satu majlis ringkas Kempen Kibarkan Jalur Gemilang telah dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi di Dataran Canselori Kampus Induk.



Pada majlis tersebut, Prof. Dato' Dr. Kadim telah melekatkan Jalur Gemilang di kenderaan rasmi universiti sebagai simbolik kepada pelancaran kempen. Kira-kira 60 staf dari pelbagai jabatan hadir untuk menyaksikan majlis itu.

klik! klik!



Majlis KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA Dewan Besar UTeM 7-8 Ogos 2010





3 Ogos 2010: Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Bahagian Ehwal Semasa, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) telah menjayakan program Suara Siswa yang telah berlangsung di Dewan Besar UTeM.

Sebanyak dua sesi rakaman langsung telah dijalankan dengan topik perbincangan yang begitu padat dengan hujah-hujah bernas. Pada sesi pertama, topik yang dibincangkan ialah "Mahasiswa: Aset atau Liabiliti Negara" yang menampilkan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan sebagai salah seorang panel.

Sementara itu, tiga ahli panel lain adalah terdiri daripada wakil tuan rumah iaitu Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM, Ahmad Ibrahim Yaziruddin, Yang Dipertua MPP Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Shahzada Khan Nawab Khan dan Presiden MPP Universiti Multimedia (MMU) Gavin Clement Fernando.

Pada sebelah malamnya pula, Dewan Besar menjadi medan perbahasan apabila satu lagi sesi rakaman dijalankan dengan tajuk "Universiti Neutral Vs Prosiswa Dan Penggerak Siswa". Rancangan yang dihoskan oleh Dr. Fazley Yaakob ini mendapat sokongan positif daripada 300 hadirin yang terdiri daripada pelajar-pelajar IPT sekitar Melaka.

2 Ogos 2010: Kehebatan pasukan bola sepak UTeM terbukti apabila menjuarai Liga Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (IPT) Melaka bagi merebut Piala Pusingan Datuk Seri Mohd Ali Rustam selepas menewaskan pasukan Nigeria MMU 3 – 0 di Stadium Hang Tuah.

Dua gol dihasilkan melalui ketajaman serangan Basiron Yusof pada minit kedua dan minit ke-55. Manakala Izuan Ahmad meletakkan UTeM di kedudukan selesa dengan menambah jaringan pada minit ke-87. Selaku juara, UTeM membawa pulang piala pusingan, piala iringan serta wang tunai RM 5,000. Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam telah hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

UTeM JUARA LIGA BOLA SEPAK IPT MELAKA

UTeM ANJUR SUARA SISWA BERSAMA RTM




Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan FPTT

3 Ogos 2010: Bertempat di Dewan Konvensyen Kampus Bandar, seramai 47 orang pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) semester 2 sesi 2009/2010 telah menerima anugerah Sijil Kepujian Dekan yang disampaikan oleh Dr. Md Nor Hayati bin Tahir, Dekan FPTT.

Sekalung tahniah kepada penerima-penerima anugerah yang disenaraikan mengikut pecahan berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi): 17 pelajar
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi Teknologi): 12 pelajar
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Teknousahawan: 18 pelajar



UTeM Jayakan Sambutan HARI KEMERDEKAAN Ke-53

31 Ogos 2010 – Sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-53 peringkat Negeri Melaka, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman telah mengetuai kontinjen perbarisan UTeM dengan kekuatan anggota seramai 30 orang pelajar dari pelbagai fakulti.

Segak bergaya dengan baju berwarna oren, kontinjen UTeM melintas hormat di hadapan Tuan Yang Terutama Negeri Melaka Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil bin Yaakub yang juga Canselor UTeM dan dif-dif kehormat. Turut hadir memberi tabik hormat kepada kontinjen UTeM ialah Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini telah dilangsungkan di MITC, Ayer Keroh.

Beberapa orang pelajar UTeM yang ditemui merasa teruja kerana inilah pertama kali mereka menyertai perarakan Hari Kemerdekaan walaupun ianya diadakan di tempat tertutup namun kemeriahannya tetap terasa.

Lawatan UNIMAP ke UTeM eratkan kerjasama pengurusan kualiti



2 Ogos 2010 – Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) telah menerima kunjungan seramai 30 orang delegasi dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Delegasi tersebut diketuai oleh Pengarah, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) dan Jawatankuasa Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti UniMAP, Encik Abdul Aziz bin Mahmudin.

Objektif lawatan tersebut ialah untuk mewujudkan satu penanda aras bagi merealisasikan proses pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang cekap dan berkesan.

Delegasi telah dibawa melawat sekitar Kampus Induk sebelum diberi taklimat di Auditorium Canselori oleh Prof. Madya Shahdan bin Md.Lani, Pengarah PJKA berkenaan latar belakang Universiti dan aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti yang dijalankan.

13 Ogos 2010: Satu sesi perbincangan bersama di antara UTeM dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik UTeM, Dr. Jariah binti Mohamad Juoi dan dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Artikulasi Program yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Dekan UTeM. Hadir pada perbincangan tersebut ialah Timbalan Pengarah Latihan JMTI, Azman bin Hj. Ibrahim yang membincangkan cadangan Program Artikulasi Lulusan Diploma dan Diploma Lanjutan Teknologi Kejuruteraan institusi tersebut.

Perbincangan awal ini bertujuan untuk meluaskan lagi skop penawaran pengajian UTeM terutamanya bagi lepasan JMTI yang ingin melanjutkan pengajian ke UTeM.

Perbincangan Program ARTIKULASI JMTI ke UTeM



UTeM dikunjungi tetamu dari INDONESIA

5 Ogos 2010: UTeM sekali lagi menjadi tumpuan universiti antarabangsa melalui jalinan hubungan strategik dalam bidang akademik. Terbaru, delegasi Universitas Bina Darma dari Palembang Indonesia telah mengunjungi Kampus Induk UTeM.

Delegasi tersebut diketuai oleh Rektor Prof. Ir. H. Bochari Rachman, Dekan Fakultas Ilmu Komputer Muhammad Izman Herdiansyah serta pegawai-pegawai kanan universiti itu. Turut diatur satu sesi perbincangan bersama Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan bagi membincangkan peluang kerjasama antara kedua-dua universiti terutama sekali dalam bidang kejuruteraan elektrik.

Melalui perbincangan yang dijalankan, Universiti Bina Darma berminat untuk menghantar pensyarah-pensyarah universiti itu melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah di UTeM. Bersandarkan kepada pencapaian cemerlang UTeM sepanjang 10 tahun penubuhannya, Universiti Bina Darma melahirkan keyakinan bahawa kerjasama strategik yang dijalinakan akan memberi manfaat besar kepada kedua-dua pihak.

Nur Aina Maisarah
Aisyah Hana
Syifa Irdina

12-31 18/08
GIRL

Zahrah

Nama Staf	: Asmadi bin Md Daud
PTJ	: Pejabat Perpustakaan
Nama Anak	: Nur Aina Maisarah binti Asmadi
Tarikh Lahir	: 16 Ogos 2010
Nama Staf	: Sulaiman Bin Sabikan
PTJ	: FKE
Nama Anak	: Syifa Irdina Binti Sulaiman
Tarikh Lahir	: 18 Ogos 2010
Nama Staf	: Mohd Shukor Bin Salleh
PTJ	: FKP
Nama Anak	: Aisyah Hana Binti Mohd Shukor
Tarikh Lahir	: 19 Ogos 2010

Personaliti Pilihan



DR. CHOO YUN HUOY
PENSYARAH KANAN

Dr. Choo Yun Huoy menyertai Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pada tahun 2002. Beliau dilahirkan di Muar namun dibesarkan dan menetap di Melaka. Pada masa lapang, Dr. Choo gemar beriadah di Taman Botanical, Ayer Keroh bersama keluarganya. Kata Dr. Choo aktiviti berjoging di taman dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan di samping membentuk kecergasan diri.

Meskipun sibuk dengan tugas harian, Dr. Choo akan meluangkan sedikit masa membaca bahan bacaan berbentuk dokumentari untuk mengetahui perkembangan terkini terutama sekali dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai seorang Pensyarah Kanan, Dr. Choo turut melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai program kemasyarakatan anjuran fakulti.



MUHAMMAD REDZUAN BIN AHMAD
PENOLONG AKAUNTAN

Berasal dari Banda Hilir Melaka, Muhammad Redzuan memulakan kerjayanya di UTeM pada tahun 2004. Bekas penuntut Melaka High School ini merupakan lulusan Diploma Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Seorang yang sentiasa ceria dan peramah, Redzuan juga merupakan atlit bola tampar pasukan Pejabat Bendahari pada Kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ) tahun lalu.

Pada masa lapang, Redzuan gemar melancong ke tempat-tempat menarik di dalam negara. Tempat paling menarik yang pernah dikunjungi beliau ialah kawasan pantai di Semporna Sabah. Kata beliau, kebiruan dan keindahan pantai di Semporna tiada tolok bandingannya dengan tempat-tempat lain.

Pengalaman yang tidak dapat beliau lupakan apabila ditugaskan untuk memakaikan jubah konvokesyen kepada mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad pada Majlis Konvokesyen Ke-5. Bagi Redzuan detik-detik tersebut amat bermakna dan akan sentiasa diingati.

25 Ogos 2010: Buat pertama kalinya Majlis Iftar Bersama Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob telah diadakan di Masjid UTeM yang baru siap dibina tahun ini. Ketibaan Tun Canselor bersama isteri, Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Hajah Zurina binti Kassim telah disambut oleh Pro Canselor UTeM, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Pegawai-pegawai Kanan universiti serta warga kerja dan pelajar UTeM. Hadir sama pada majlis ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B Datuk Wira Omar bin Kaseh.

Majlis yang dianjurkan oleh Pusat Islam adalah bertujuan untuk mengukuhkan ukhuwah sesama warga UTeM dan memberi peluang untuk beramah mesra dengan Tun Canselor yang dikasihi. Kesempatan ini juga turut digunakan oleh warga UTeM untuk berkongsi kesusahan yang dialami oleh golongan yang kurang bernasib baik.

Pada majlis itu, Tun Canselor dan isteri telah menyampaikan sumbangan kepada ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim dan pelajar-pelajar UTeM yang kurang berkemampuan. Cahaya kegembiraan jelas terpancar apabila menerima sumbangan daripada pemimpin yang disanjung tinggi itu. Para penerima sumbangan yang diraikan ini kemudiannya mendapat peluang berbuka puasa dengan Tun Canselor dan isteri dengan hidangan istimewa yang disediakan.


Majlis Iftar bersama Tun Canselor 1431H ini amat bermakna kepada warga UTeM kerana ia seiring dengan sambutan 10 tahun penubuhan yang disambut pada tahun ini. Selain majlis ini, pelbagai acara lain telah dirancang bagi meraikan sedekad penubuhan universiti teknikal pertama di Malaysia ini.

Majlis Iftar BERSAMA TUN CANSELOR 1431H



25 Ogos 2010: Kedatangan bulan Syawal tahun ini amat bermakna bagi 31 orang anak-anak yatim yang bernaung di bawah Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Jasin apabila diraikan oleh Persatuan Wanita dan Isteri Staf UTeM (Sri Kesidang) apabila dibawa mendapatkan barang-barang keperluan sempena Aidilfitri

Program ini turut disertai oleh Pengerusi Sri Kesidang, Puan Hajah Noraida binti Attan bersama-sama ahli persatuan yang membawa anak-anak yatim tersebut ke sebuah pusat membeli belah di Bandaraya Melaka untuk membeli belah. Sinar kegembiraan dan suasana keceriaan jelas terpancar di wajah anak-anak yatim itu apabila berpeluang memilih sendiri pakaian baru dan keperluan lain sebagai persiapan menjelang Aidilfitri. Selesai aktiviti membeli belah, kesemua anak yatim tersebut diraikan pula di Majlis Iftar Bersama Tun Canselor di Masjid UTeM.



SRI KESIDANG raikan anak-anak yatim